

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH **Hari Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan**

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

FOKUS BULANAN:

HARI KREATIVITI DAN INOVASI SEDUNIA (21^{hb} April)

Kasih MEMBEBAHKAN KITA UNTUK HIDUP



Yesus mengetahui setiap langkah rancangan Bapa-Nya; Dia tahu bahawa orang ramai yang telah menyanjikan pujianNya semasa Dia memasuki Yerusalem akan menjadi kumpulan yang sama yang mengancam untuk merusuh jika Pilatus tidak menyalibkan Dia. Dia tahu bahawa tiada apa yang boleh Dia lakukan atau katakan akan mengubah apa-apa, kerana hati manusia menjadi keras oleh ketakutan.

**PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:**

Tiap-tiap hari
Aku ada di
tengah-tengah
kamu di dalam
Bait Allah, dan
kamu tidak
menangkap
Aku. Tetapi
inilah saat
kamu, dan
inilah kuasa
kegelapan itu."

(Lukas 22:53)

Ketakutan terhadap orang Roma dan orang ramai yang menyebabkan orang Farisi merancang menentang Yesus, ketakutan akan pihak berkuasa yang menyebabkan orang ramai mengikut dan menyalibkan seorang yang tidak bersalah secara membabi buta. Ketakutan terhadap rusuhan menyebabkan Pilatus membelakangkan tugasnya untuk berlaku adil dan ketakutan juga yang mendorong Petrus untuk menyangkal Yesus.

Malah pada hari ini, kita takut kepada dunia, takut kegelapan, takut kehilangan dan takut diri sendiri. Kita ikut undang-undang kerana takut pembalasan, ikut orang ramai kerana takut terasing. Kita menghadkan diri, takut akan kegagalan dan kejayaan. Lihat kembali minggu lalu anda. Berapa banyak keputusan anda telah buat kerana ketakutan?

Tetapi kita tidak pernah dimaksudkan untuk hidup seperti ini. Allah menciptakan manusia untuk berkongsi hidup dan kebahagiaan-Nya sendiri. Apabila manusia hidup dalam rahmat Allah, tidak ada tempat atau sebab untuk ketakutan. Dosa dan pengasingan seterusnya daripada Allah membawa kematian dan ketakutan ke dalam hidup kita. Sekarang, kita mungkin takut akan keadilan dan pembalasan Allah, kerana mengetahui kita tidak akan dapat mencapai kesempurnaan-Nya.

Allah, yang mengasihi kita, tidak mahu kita kekal dalam ketakutan. Atas sebab ini, Dia mengutus Anak-Nya sendiri - bukan sahaja untuk menunjukkan kepada kita jalan, tetapi juga untuk memulihkan kita kepada kehidupan dengan menyerahkan milik-Nya. Yesus rela menyerahkan nyawa-Nya untuk sahabat-sahabat-Nya dan untuk setiap kita kerana Dia benar-benar mengasihi kita; Dia menghadapi ketakutan-Nya dan memberikan segala-galanya demi menghabiskan keabadian bersama kita.

Kisah Kesengsaraan menunjukkan kepada kita bahawa kasih mengalahkan semua ketakutan. Dengan mengasihi kita dengan sempurna, Yesus memutuskan rantai ketakutan kita dan memberi kita kebebasan untuk hidup sebagai anak-anak Allah. Kasih memberi Yesus keberanian untuk berkata, "Bapa, jadilah kehendak-Mu."

Semoga kasih juga memberi anda keberanian untuk hidup di luar batas anda. ✨

**AYAT SUCI
MINGGU INI**

Yesaya 50: 4-7;

Mazmur 21: 8-9, 17-20,
23-24;

Filipi 2: 6-11;

Lukas 22: 14-23, 56
(or 23: 1-49).